

Pemaju perumahan diminta sediakan tempat riadah

UM 4 MAR 2002

KUALA LUMPUR 3 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta pemaju perumahan supaya menyediakan kawasan bukan saja untuk dijadikan tempat riadah malah boleh ditanam dengan pelbagai jenis tanaman.

Beliau berkata, selain mengindahkan taman-taman perumahan, penyediaan kawasan tersebut akan membantu meningkatkan industri landskap yang sebelum ini kurang diberi tumpuan oleh pemaju perumahan.

"Penyediaan kawasan untuk riadah dan landskap ini akan menarik dan menguntungkan mereka yang mempunyai projek serta kepakaran dalam bidang tersebut," katanya ketika berucap merasmikan sambutan Hari Landskap Negara 2002 di Taman Suria, KLCC, hari ini.

Pada majlis itu Perdana Menteri turut melancarkan program Negara Taman Mekar dan menyampaikan hadiah serta sijil untuk pemenang pertandingan landskap peringkat kebangsaan 2001.

Menurut Dr. Mahathir, bidang landskap di Malaysia boleh memberi keuntungan

yang lumayan jika diusahakan dengan cekap dan ber-sungguh-sungguh.

Ini kerana, katanya, bidang tersebut membuka peluang kepada para pengusaha untuk menjana kewangan dan menghasilkan pulangan yang lumayan.

Beliau berkata, taman rekreasi bukan hanya menjadi tumpuan penduduk untuk beriadah malah dapat meningkatkan nilai projek perumahan dan menguntungkan semua pihak yang terlibat.

Perdana Menteri kesal kerana ramai yang tidak mengambil inisiatif untuk menjaga alam semula jadi dalam suasana pembangunan negara yang semakin pesat.

"Mereka suka meratakan tanah, bukit hilang tapi dengan landskap yang menarik, keindahan yang hilang itu dapat diwujudkan semula," katanya.

Perdana Menteri berkata, landskap yang menarik dan berwarna-warni dapat menarik pelancong dalaman atau luar negara ke sesuatu tempat dan menjadikan tempat berkenaan popular.

"Bila landskap menarik rakyat juga akan berjaga-jaga supaya tidak mencemar-

kan kawasan itu, mereka tidak akan mengotorkan kawasan itu kerana keindahan landskap," kata Dr. Mahathir.

Beliau memuji usaha Petronas menyediakan kawasan yang luas dan menarik sehingga mampu menarik ramai pengunjung setiap hari.

Mengenai kejayaan Malaysia menempah nama dalam *Guinness Book of Records* kerana menanam 110,000 batang pokok dalam masa seminit tahun lalu, Dr. Mahathir berkata, usaha itu menunjukkan tiada apa yang tidak boleh dilakukan jika rakyat Malaysia bermuafakat untuk menjayakan sesuatu.

Perdana Menteri turut berbangga kerana setiap cadangan serta seruan kerajaan mendapat sambutan hangat rakyat Malaysia sehingga ia berjaya dilaksanakan di semua peringkat.

"Sebagai contohnya pertunjukan udara di Langkawi yang bermula secara kecil-kecilan tetapi dengan sambutan rakyat, ianya sekarang menjadi acara antarabangsa dan menarik orang luar," katanya.